

27 MAR 2001

Parlimen-Perpaduan

MALAYSIA ADALAH SEBUAH NEGARA YANG LIBERAL, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia adalah sebuah negara liberal yang membenarkan rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum, menganut agama dan mengamalkan kegiatan mengikut bahasa serta budaya masing-masing.

Perdana Menteri berkata adalah tidak menjadi masalah sekiranya setiap kaum ingin mewujudkan perpaduan mereka sendiri kerana perpaduan itu adalah terhad untuk menjaga kepentingan kaum masing-masing.

"Ia tidak menjadi masalah kerana perpaduan itu adalah terhad untuk menjaga kepentingan kaum itu dalam rundingan-rundingan antara kaum.

"Walaupun bersatupadu mengikut kaum, dalam soal negara mereka akan bersatu padu sebagai bangsa Malaysia," katanya semasa menjawab soalan tambahan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) di Dewan Rakyat di sini yang ingin tahu apakah yang terjadi kepada konsep Bangsa Malaysia yang pernah dikemukakan pada suatu masa dulu dan apakah akan berlaku sekiranya setiap kaum mengadakan perpaduan di kalangan mereka sendiri.

Dr Mahathir berkata adalah tidak menjadi masalah kalau orang Melayu bersatupadu kerana perpaduan itu adalah terhad kepada mempertahankan beberapa perkara yang telah termaktub dalam Perlembagaan.

Perdana Menteri berkata orang Melayu hanya menuntut apa yang sudah menjadi haknya dan tidak menyentuh hak orang lain.

Oleh kerana itu, katanya walaupun agama Islam menjadi agama rasmi ia boleh dianuti oleh orang lain dan walaupun Bahasa Malaysia yang berasaskan bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, bahasa lain boleh digunakan sehingga ke peringkat sekolah dan urusan masing-masing.

"Kita tidak ada halangan. Kita sebuah negara majmuk yang begitu liberal malah lebih liberal daripada Amerika Syarikat," katanya.

Menurut Dr Mahathir penduduk Amerika Syarikat terdiri daripada pelbagai kaum tetapi bahasa kebangsaannya ialah bahasa Inggeris dan bahasa di sekolah juga ialah bahasa Inggeris serta tidak boleh ada bahasa lain yang disokong oleh kerajaan di negara itu.

Berbeza dengan keadaan di negara ini, beliau berkata kerajaan membantu sekolah Cina dan Tamil malah membantu banyak kegiatan lain seperti pembinaan kuil dan gereja.

"Kita lebih liberal daripada kerajaan-kerajaan lain di dunia dan kita boleh berbangga dengannya," katanya.

Mengenai konsep Bangsa Malaysia, Dr Mahathir berkata jika Malaysia hendak mendapatkan satu bangsa Malaysia yang tulen, cara yang terbaik ialah memperolehnya mungkin melalui proses asimilasi iaitu dengan menyerapkan orang bukan Melayu menjadi bangsa Melayu dan mengislamkan mereka.

"Tetapi kita lebih liberal di sini. Kita tidak hendak mereka menukar agama mereka, nama mereka, bahasa mereka tetapi dalam soal-soal mengenai kepentingan bersama untuk negara, mereka mestilah bersatupadu sebagai bangsa Malaysia," katanya.

Terdahulu, semasa menjawab soalan Datuk Ruhanie Haji Ahmad (BN-Parit Sulong), Dr Mahathir berkata perpaduan Melayu yang dimaksudkan oleh Umno bukanlah perpaduan secara total sehingga mereka tidak boleh sama sekali ada hubungan atau kerjasama dengan orang bukan Melayu.

"Ia juga bukan untuk bermusuhan dan menentang atau berperang dengan bukan Melayu," katanya.

Beliau berkata perpaduan itu hanyalah bagi mempertahankan empat perkara

yang diiktiraf sebagai hak orang Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan iaitu orang Melayu (penduduk asal negeri-negeri Melayu) mempunyai hak yang istimewa sebagai rakyat Malaysia, Bahasa Melayu diiktiraf sebagai Bahasa Kebangsaan, agama Islam sebagai agama rasmi dan Raja-raja Melayu adalah Raja Berperlembagaan di negeri-negeri yang menjadi sebahagian daripada Malaysia.

Dr Mahathir berkata cabaran terhadap empat perkara itu mengancam semua orang Melayu sama ada dari parti Umno, PAS atau parti lain.

"Justeru itu mempertahankannya tidak menguntungkan Umno dari segi politik parti. Yang untung ialah semua orang Melayu dan semua mereka patut terlibat dengan mempertahankan ini," katanya.

Beliau berkata tanpa penyertaan Melayu daripada parti PAS, akan timbul persepsi bahawa sebenarnya PAS tidak bersetuju dengan empat perkara berkenaan.

"Jika PAS ternampak rela menggugurkan keempat-empat perkara ini dan Keadilan (Parti Keadilan Nasional) pula menafikan keMelayuannya, maka sukarlah bagi Umno sahaja mempertahankan dengan jayanya," katanya.

Perdana Menteri berkata Umno tidak menolak perpaduan nasional, malah mempertahankan hak Melayu juga tidak menjejaskan perpaduan nasional sebaliknya mengukuhkan lagi perpaduan nasional.

Katanya jika Melayu PAS mengasingkan diri daripada Melayu Umno dan Melayu lain, perpaduan nasional tidak akan menjadi penuh kerana Melayu PAS tidak menyertainya.

Dr Mahathir berkata: "Parti PAS tidak akan terhapus kerana Melayu PAS bersepadu dengan Melayu Umno hanya dalam mempertahankan hak orang Melayu. Dalam perkara lain PAS boleh terus bermusuh dengan Umno."

Mengimbas kembali mengenai pentingnya perpaduan Melayu semasa perjuangan melawan Malayan Union, Perdana Menteri berkata pada masa itu hampir semua orang Melayu bersatu dalam Umno dan penjajah terpaksa tunduk kepada tuntutan Umno.

Katanya jika pada masa itu, terdapat perpecahan yang ketara seperti yang berlaku sekarang, sudah tentu penjajah tidak melayan tuntutan orang Melayu dan syarat melindungi orang Melayu mungkin tidak dipersetujui.

Beliau berkata terbukti jelas bahawa perpaduan Melayu dalam Umno waktu itu tidak menjejaskan perpaduan nasional kerana orang Cina dan India turut menuntut kemerdekaan bersama orang Melayu serta menerima syarat yang melindungi hak dan keistimewaan orang Melayu dimaktubkan dalam Perlembagaan.

Katanya perpaduan Nasional juga terbukti kerana hak kaum lain juga dijamin oleh Perlembagaan.

Dr Mahathir berkata: "Parti PAS tidak akan terhapus kerana Melayu PAS bersepadu dengan Melayu Umno hanya dalam mempertahankan hak orang Melayu. Dalam perkara lain PAS boleh terus bermusuh dengan Umno."

Mengimbas kembali mengenai pentingnya perpaduan Melayu semasa perjuangan melawan Malayan Union, Perdana Menteri berkata pada masa itu hampir semua orang Melayu bersatu dalam Umno dan penjajah terpaksa tunduk kepada tuntutan Umno.

Katanya jika pada masa itu, terdapat perpecahan yang ketara seperti yang berlaku sekarang, sudah tentu penjajah tidak melayan tuntutan orang Melayu dan syarat melindungi orang Melayu mungkin tidak dipersetujui.

Beliau berkata terbukti jelas bahawa perpaduan Melayu dalam Umno waktu itu tidak menjejaskan perpaduan nasional kerana orang Cina dan India turut menuntut kemerdekaan bersama orang Melayu serta menerima syarat yang melindungi hak dan keistimewaan orang Melayu dimaktubkan dalam Perlembagaan.

Katanya perpaduan Nasional juga terbukti kerana hak kaum lain juga

dijamin oleh Perlembagaan.

"Oleh itu, perpaduan Melayu adalah baik bagi Malaysia dan akan menyumbang kepada perpaduan nasional," katanya.

Menjawab soalan tambahan Ruhanie yang ingin tahu sama ada syarat-syarat yang dikenakan PAS bagi mengadakan pertemuan itu menggambarkan bahawa PAS telah ditekan oleh kehendak bukan Melayu supaya menggagalkan dialog perpaduan Melayu, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu sama ada PAS ditekan oleh bukan Melayu atau anggota parti itu sendiri.

Perdana Menteri berkata syarat-syarat pertemuan itu jelas tidak berkaitan dengan soal perpaduan, namun Umno tidak mahu menolak syarat berkenaan supaya tidak ada peluang bagi sesiapa menuduh bahawa Umno tidak ingin kepada perpaduan.

"Kita (Umno) ingin perpaduan yang terhad ini, yang saya nyatakan tadi," katanya.

-- BERNAMA

HS LAT